

Indeks 800 mata petanda kejayaan pakej rangsangan

UMI 23 APR 2002

MELAKA 22 April — Pemulihan semula Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ke paras 800 mata merupakan tanda awal kejayaan pakej rangsangan ekonomi yang digariskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tahun lalu.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapa Mohamed berkata, pakej rangsangan berjumlah lebih RM7 bilion itu telah berhasil memperbaiki kedudukan BSKL dengan memulihkan sentimen pelabur.

“Jelas tindakan kerajaan itu telah berjaya menstabilkan ekonomi negara (akibat kegawatan ekonomi Amerika Syarikat) dan memperbaiki sentimen pelabur jangka pendek dan juga panjang,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan kertas kerja di Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia di Hotel Golden Legacy di sini hari ini.

Indeks Komposit BSKL menamatkan urusan niaga hari ini pada paras 807.30, naik 8.95 mata selepas berlegar-legar di paras berkenaan semalam.

Minggu lalu, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) meramalkan Indeks Komposit bakal mencecah paras 1,000 mata pada akhir tahun berikutan pemulihan menyeluruh ekonomi negara.

Sementara itu, Mustapa dalam sesi dialog selepas pembentangnya berkata, dasar penswastaaan kerajaan tidak boleh dianggap gagal hanya kerana satu atau dua syarikat yang tidak menunjukkan prestasi yang dikehendaki.

“Kegagalan syarikat-syarikat itu juga sebahagiannya adalah disebabkan oleh faktor yang di luar kawalan mereka iaitu krisis kewangan dan ekonomi,” ujarnya.